



182. Kerja-kerja Bagi Jabatan Bukan Teknik

182.1 Rujukan Kepada Jabatan Teknik

182.1(a) Semua **Jabatan Bukan Teknik** hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik **iaitu** Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

182.1(b) Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan kepada Jabatan Teknik maklumat lengkap seperti berikut:

- (i) Kedudukan status tapak projek;
- (ii) Ringkasan projek;
- (iii) Siling projek;
- (iv) Peruntukan tahunan; dan
- (v) Jadual pelaksanaan projek.

182.1(c) Sekiranya Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklum balas dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Agensi adalah bertanggungjawab untuk memastikan surat yang dikemukakan, diterima di pejabat Jabatan Teknik dan disahkan oleh penerima.

182.1(d) Untuk kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan Kerajaan Persekutuan, kelulusan daripada Bahagian yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu dan Arahan Perbendaharaan 182.1(a) dan (b) hendaklah dipatuhi.

182.1(e) Bagi kerja-kerja penyenggaraan atau membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan yang bernilai tidak melebihi RM100,000 atau kerja elektrik yang tidak melebihi RM50,000 bagi satu kali pembaikan boleh diurus sendiri oleh Kementerian/Jabatan tanpa merujuk kepada Jabatan Teknik. Walau bagaimanapun, kerja-kerja berkenaan hendaklah dipelawa mengikut Arahan Perbendaharaan 180 **di**



PINDAAN ARAHAN PERBENDAHARAAN



kalangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam gred dan kategori yang berkaitan.